

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7

### PADU dijamin selamat

## PADU dijamin selamat

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan mengulangi jaminan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selamat selepas didakwa digodam sebelum ini.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil berkata, pangkalan data utama itu tidak bocor yang mana perkara itu juga disahkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

“Insya-Allah data itu selamat. Pihak National Cyber Security Agency (NACSA), Cybersecurity, Jabatan perlindungan Data Peribadi adalah sebahagian daripada pasukan yang memastikan aspek keselamatan data dan keselamatan siber,” katanya selepas menuaikin solat Jumaat bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Negara, semalam.

Rafizi sebelum ini menafikan sistem PADU digodam seperti didakwa sebuah forum dalam talian.

Ia susulan kumpulan penggodam yang dikenali sebagai ROOTKIT mendakwa telah mencuri data Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.